

Tun M mahu akta antilompat parti

w/d: 4

disegerakan

BH- 5/6/2022

Ayer Keroh: Tun Dr Mahathir Mohamad mahu kerajaan menyegerakan undang-undang antilompat parti, sebelum cadangan reformasi menghalang ahli Parlimen yang dituduh di mahkamah, menghadiri persidangan.

Bekas perdana menteri berkata, situasi ketika ini memberi gambaran seolah-olah kerajaan suka kepada perbuatan melompat parti kerana boleh mendapat kedudukan.

“Lompat-lompat pun tak ada apa pun lagi (tiada sebarang tindakan terhadap perbuatan lompat parti). Kerajaan ini (mungkin) suka kalau orang lompat, sebab mereka akan dapat cukup bilang (bilangan Ahli Parlimen).

“Kalau ada orang lompat baru boleh (jadi Perdana Menteri), macam Muhyiddin (Tan Sri Muhyiddin Yassin) kalau orang tak lompat, dia tak boleh jadi PM,” katanya selepas merasmikan pemukiman Parti Pejuang Tanahair (PEJUANG) Melaka di sini, semalam.

Dr Mahathir berkata, dalam Parlimen ketika ini bukan setakat ada yang bukan saja mempunyai kes mahkamah, malah mereka yang sudah dijatuhkan hukuman turut boleh menyertai persidangan.

“Bukan sahaja ada kes (mahkamah), yang dah jatuh hukum pun boleh mengajar kerajaan macam mana nak perintah negara.

“Di dalam dunia, inilah satu negara yang mana ‘penyangak’ yang didapati bersalah, boleh datang ke persidangan dan ajar kerajaan macam mana nak memerintah, (mungkin dikatakan) mereka berpengalaman, pengalaman curi duit, salah guna kuasa dan rasuah, itulah pengalaman mereka,” katanya.

Semalam, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang), Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar, dilaporkan berkata, Kabinet bersetuju dengan cadangan melaksana reformasi Parlimen termasuk meminda Akta Majlis Parlimen (Keistimewaan dan Kuasa) 1952 (Akta 347) sama ada melarang atau membenarkan Ahli Parlimen yang dituduh di mahkamah, digantung daripada menghadiri persidangan.

Perkara itu, bagaimanapun masih diperhalusi untuk disesuaikan dengan perkembangan dan peraturan sedia ada Dewan Rakyat.